



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya**

**Tel Pejabat : 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008**

## **PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj) RAI PEMENANG TIGA PERTANDINGAN SECARA VIRTUAL SEMPENA HARI MALAYSIA 2021**

**PUTRAJAYA, 13 Oktober 2021** – Perbadanan Putrajaya (PPj) rai seramai 31 orang pemenang bagi Pertandingan Bercerita, *Skate At Home Challenge* dan *Jump Rope Challenge Putrajaya 2021* bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Pertandingan diadakan bersempena dengan sambutan Hari Malaysia 2021 bagi menggalakkan penyertaan secara menyeluruh dalam kegiatan sukan serta aktiviti gaya hidup sihat di kalangan komuniti Putrajaya dan rakyat Malaysia. Di samping itu, program ini memberi peluang dan kesempatan kepada para peserta untuk menunjukkan bakat, keupayaan dan potensi selain boleh mengurangkan tekanan dan stress disebabkan aktiviti rekreasi yang terbatas pada tempoh PPN Fasa 1 yang lepas.

Selain itu, pengajuran pertandingan ini meningkat dan memperkuatkannya interaksi sosial, persefahaman, kerjasama dan perpaduan di kalangan komuniti dengan Perbadanan Putrajaya menerusi penyertaan aktif sukan secara *virtual*. Ketiga-tiga pertandingan telah menarik 108 peserta.

### **Pertandingan *Jump Rope Challange Putrajaya***

*Jump Rope Challange* telah diadakan secara tertutup kepada komuniti Putrajaya sahaja bermula 1 hingga 16 September. Pertandingan ini telah menarik seramai 76 peserta dari semua lapisan umur. Penilaian pertandingan adalah berdasarkan jumlah lompatan dalam masa seminit para peserta.

Juara pertandingan akan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM 300.00 beserta peralatan sukan, manakala tempat naib juara membawa pulang wang tunai bernilai RM 200.00 beserta peralatan sukan dan tempat ketiga, RM 150.00 beserta peralatan sukan. Bagi tempat keempat dan kelima, akan membawa pulang RM100.00 beserta peralatan sukan. Pemenang saguhati tempat ke-6 hingga ke-10 pula akan membawa pulang wang tunai bernilai RM 100.00 sahaja.

### **Pertandingan *Skate At Home***

*Skate At Home* diadakan terbuka kepada semua warga Malaysia dan telah menarik seramai 20 pemain papan selaju (*skate board*). Para peserta diberi masa seminit untuk merekod aksi serta kemahiran mereka bermain papan selaju.

Juara pertandingan akan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM 300.00 beserta peralatan sukan, manakala tempat naib juara membawa pulang wang tunai bernilai RM 200.00 beserta peralatan sukan dan tempat ketiga, RM 150.00 beserta peralatan sukan. Bagi tempat keempat dan kelima, akan membawa pulang RM100.00 beserta peralatan sukan. Pemenang saguhati tempat ke-6 hingga ke-9 pula akan membawa pulang wang tunai bernilai RM 100.00 sahaja.

### **Pertandingan Ber cerita Virtual**

Pertandingan Ber cerita (Secara Virtual) diadakan pada 30 Ogos hingga 12 September 2021 bertujuan untuk mencungkil bakat dan kreativiti pelajar ber cerita secara bersahaja dan meyakinkan serta meningkatkan kemahiran ber bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis di dalam Bahasa Melayu. Selain itu, pertandingan ini memberi peluang kepada kanak-kanak berkongsi pengalaman dan aktiviti berfaedah yang dilakukan ketika mereka mematuhi arahan untuk kekal duduk di rumah serta norma baharu mereka mendepani pandemik Covid-19.

Pertandingan Ber cerita ini terbuka kepada semua pelajar sekolah di Putrajaya dan kawasan sekitarnya yang berumur 10 hingga 12 tahun, yang bertemakan “Norma Baharu Rakyat Malaysia”.

Juara bagi pertandingan ini membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM 300.00, naib juara membawa pulang wang tunai bernilai RM 200.00 dan tempat ketiga, RM 100.00. Bagi pemenang tempat ke-4 hingga ke-12 pula membawa pulang wang tunai bernilai RM 50.00 sahaja. Semua pemenang turut membawa pulang sijil penyertaan.

**NORZITA BINTI ABDUL RAZAK**

Pengarah (Komunikasi Korporat)

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Oktober 2021